



3 November 2021
3 November 2021
P.U. (A) 413

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PROKLAMASI DARURAT (SARAWAK)
(PEMBATALAN) 2021

*PROCLAMATION OF EMERGENCY (SARAWAK)
(REVOCATION) 2021*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

PROKLAMASI DARURAT (SARAWAK)
(PEMBATALAN) 2021

OLEH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG, DENGAN KURNIA ALLAH, KETUA UTAMA NEGARA
BAGI NEGERI-NEGERI DAN WILAYAH-WILAYAH MALAYSIA

BAHAWASANYA disebabkan oleh suatu darurat besar berlaku yang mengancam keselamatan, kehidupan ekonomi dan ketenteraman awam di dalam Persekutuan berikutan wabak penyakit berjangkit, iaitu Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19), dan untuk menghalang daripada terus merebaknya COVID-19 jika suatu pilihan raya umum ke Dewan Undangan Negeri bagi Negeri Sarawak diadakan, Proklamasi Darurat (Sarawak) [*P.U. (A) 323/2021*] telah dikeluarkan oleh BETA di bawah Fasal (1) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan pada dua puluh sembilan hari bulan Julai, dua ribu dua puluh satu:

DAN BAHAWASANYA BETA berpuas hati bahawa keperluan Proklamasi Darurat (Sarawak) itu telah berakhir dan suatu tindakan untuk membatalkan Proklamasi Darurat itu adalah dikehendaki:

DAN BAHAWASANYA selaras dengan Fasal (1) dan (3) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan BETA boleh membatalkan suatu Proklamasi Darurat:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH, dengan Kurnia Allah, Yang di-Pertuan Agong bagi Negeri-Negeri dan wilayah-wilayah Malaysia, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA sebagaimana yang tersebut di atas, setelah berunding dengan Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri Sarawak menurut subseksyen 2(1) Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) (Sarawak) 2021 [*P.U. (A) 324/2021*], MEMBATALKAN Proklamasi Darurat (Sarawak).